



SIARAN MEDIA
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
BELANJAWAN MADANI KEEMPAT TAHUN 2026 MEMANFAATKAN
KELESTARIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Belanjawan Madani Keempat: Belanjawan Rakyat yang diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada petang ini memilih jalan kebangkitan dan pembaharuan nasional (*national rejuvenation*) yang menyeluruh. Ia merupakan belanjawan keempat di bawah pentadbiran kerajaan MADANI dan yang pertama bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Ini sekaligus menjadi asas utama pelaksanaan pelan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang.

Kerangka besar ekonomi MADANI adalah untuk rakyat, memastikan negara mempunyai kemampuan menyediakan kemudahan untuk rakyat, mencipta pekerjaan, menjana pendapatan dan meringankan kos sara hidup. Bagi Wilayah Persekutuan, Belanjawan MADANI Keempat ini memberikan penekanan terhadap program-program kesejahteraan rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Sejajar dengan itu, DBKL secara proaktif memanfaatkan dana dalaman berjumlah **RM500 juta** yang merangkumi **RM200 juta** untuk **pelanjutan Program Lestari Niaga** khusus untuk peniaga kecil Kuala Lumpur. Ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasakan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Inisiatif Lestari Niaga ini dilihat sebagai langkah holistik yang bukan sahaja menyelesaikan isu peniaga tanpa lesen, tetapi juga meningkatkan kualiti kawasan perniagaan, memajukan ekonomi peniaga kecil, dan memperkukuhkan daya tarikan pelancongan tempatan. Baki **RM300 juta** pula disalurkan bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti perumahan rakyat di Kuala Lumpur. Ini merangkumi kerja-kerja menyelenggara dan **menaik taraf Projek Perumahan Rakyat (PPR)**, termasuk penambahbaikan sistem pendawaian elektrik dan pembaikan keadaan jalan di kawasan perumahan rakyat bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penduduk.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut menerima suntikan sebanyak **RM15 juta melalui inisiatif Ikhtiar Warisan KL** yang menumpukan kepada pemuliharaan, pembangunan budaya, dan pengaktifan komuniti setempat. Antara komponen utama inisiatif ini termasuk pembukaan semula Bangunan Seri Negara pada Disember 2025 sebagai pusat kegiatan warisan dan budaya; pembinaan jambatan pejalan kaki yang menghubungkan Taman Botani Perdana dengan Carcosa Seri Negara yang dijangka siap Disember 2026; serta pembukaan Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai destinasi budaya dan pelancongan pada Februari 2026. Selain itu, penganjuran pelbagai aktiviti budaya dan ekonomi kreatif serta pembangunan komuniti di kawasan Warisan Kuala Lumpur dapat menghidupkan kembali nilai sejarah dan memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat kota.

Sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai pelbagai tarikan seperti pantai, sukan air, dan sejarah. Pulau Labuan juga adalah lokasi yang sesuai untuk aktiviti menyelam, memancing, dan menikmati matahari terbenam yang sangat indah. Wilayah Persekutuan Labuan merancang untuk meningkatkan sektor ini melalui Pelan Tindakan Pelancongan 2025 dan memanfaatkan kedudukan geografinya yang strategik dan berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong. Melalui peruntukan **RM3.5 juta bagi pengukuhan pelancongan Pulau Labuan** pelbagai program pelancongan dapat dilaksanakan pada tahun 2026.

Acara sukan air yang bertaraf antarabangsa dalam merancakkan ekonomi setempat dapat mengangkat imej Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai pusat pelancongan moden negara. Dengan fasiliti sukan air yang terdapat di Wilayah Persekutuan Putrajaya sememangnya melengkapkan lagi penganjuran program berskala besar. Peruntukan sebanyak **RM1 juta bagi penganjuran program Putrajaya Wave 2026** pasti dapat menarik penyertaan dari negara sekitar.

Projek Anjung Duta@15 di Pusat Penjaja Laman Duta, Presint 15, Wilayah Persekutuan Putrajaya mendapat peruntukan sebanyak **RM500 ribu** untuk menaik taraf kemudahan sedia ada dengan pembinaan bumbung Vela Inverted Cone. Ini dapat memberikan nafas baharu kepada peniaga-peniaga kiosk yang beroperasi di kawasan tersebut supaya mempunyai fasiliti yang lebih baik dan menarik.

Tidak terhad kepada itu sahaja, Belanjawan MADANI 2026 turut merangkumi pelbagai lagi inisiatif lain bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Perancangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) bagi Wilayah Persekutuan turut merangkumi kelulusan tujuh (7) projek baharu di bawah Dasar Ekonomi Asas (DE Asas).

Antara projek yang diluluskan ialah pembangunan semula Kompleks Renang Kuala Lumpur yang terletak di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, serta kerja-kerja meroboh, membina dan menaik taraf Kompleks Krematorium di Jalan Kuari, Cheras. Malah, projek mitigasi banjir dan banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) secara bayaran balik di pelbagai kawasan Parlimen di ibu negara.

Di Wilayah Persekutuan Labuan, dua projek utama yang telah diluluskan ialah pembinaan Waterfront Labuan bagi Fasa 1 dan pelaksanaan kajian ekonomi kitaran di wilayah tersebut. Sementara itu, di Wilayah Persekutuan Putrajaya, kerja-kerja menaik taraf komponen dan kemudahan baharu Taman Putra Perdana serta kawasan sekitar Istana Melawati di Presint 1 akan dilaksanakan bagi menyokong pembangunan komuniti mampan. Selain itu, tahap keselamatan di Putrajaya juga akan dipertingkatkan melalui penambahan kamera litar tertutup (CCTV) dan butang panik (panic button) di bawah pelaksanaan Fasa 3.

Jabatan Wilayah Persekutuan
12 Oktober 2025

